

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : DEWAN SERBAGUNA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
PUTRAJAYA
Tarikh : 14-11-2005
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN JERSI KEBANGSAAN

Tuan-Tuan dan Puan – puan seterusnya para atlit sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pelancaran Jersi Kebangsaan.

2. Terima kasih juga saya ucapkan kepada 59iCONS yang telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan Pertandingan Mereka cipta dan Mewarna Jersi Kebangsaan. Sesungguhnya usaha ini telah membantu dan menjadi sokongan merealisasikan impian kerajaan untuk melihat para atlit negara memakai jersi yang seragam dalam setiap kejohanan dan pertandingan yang disertai di luar negara.

3. Pertandingan Mereka cipta dan Mewarnakan Jersi Kebangsaan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia berbakat besar dalam mereka dan mencipta jersi kebangsaan yang menonjolkan semangat kesukanan dan semangat Malaysia Boleh. Dari hasil yang ditonjolkan, saya boleh mengatakan bahawa, rakyat kebanyakan memahami dan menghayati aspirasi kerajaan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai daya juang dan semangat patriotisme yang tinggi melalui bidang sukan.

Hadirin sekalian,

4. Hari ini kita melakar satu sejarah baru yang boleh kita banggakan dalam bidang sukan. Kita boleh bergerak megah dan berjuang dengan semangat yang kental. Buat pertama kalinya, para atlit negara yang mewakili Malaysia akan memakai Jersi Kebangsaan di setiap kejohanan di luar negara setelah hampir 48 tahun kita merdeka. Pada hari ini juga, jersi yang telah siap akan di pertontonkan kepada umum. Jersi ini dihasilkan melalui kreativiti anak-anak muda negara kita sendiri.

5. Tahniah saya ucapkan kepada anak-anak muda yang telah mencurahkan idea mereka untuk menimbulkan satu konsep yang kita semua boleh banggakan. Tiga rekaan Jersi yang terbaik telah dipilih dan rekaan ini telah direka semula oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama LimKokWing Universiti bagi menimbulkan satu impak yang positif dan memberi semangat juang yang tinggi kepada semua atlit negara.

6. Sehubungan itu, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah bersetuju sebulat suara memilih rekaan yang bermotifkan harimau belang yang lebih dikenali sebagai Harimau Malaysia sebagai asas kepada jersi kebangsaan.

7. Kita semua sedia maklum, bahawa harimau belang merupakan haiwan yang paling ditakuti oleh haiwan-haiwan lain. Harimau belang juga mempunyai sifat juang yang tinggi dan semangat yang kental semasa berjuang walaupun terpaksa

berhempas pulas untuk menewaskan mangsanya.

Hadirin yang saya kasihi,

8. Bersesuaian dengan pemilihan warna harimau belang yang di sandarkan kepada pakaian sukan negara, ia melambangkan kesediaan ahli sukan kita dari segi moral dan fizikal menghadapi persaingan di dunia sukan tanpa rasa rendah diri dengan penuh bertenaga berbekalkan semangat kesukanan, daya juang dan daya ketahanan yang tinggi. Ia melambangkan keperkasaan ahli sukan negara yang tangkas dan berani berjuang atas nama negara.

9. Kerajaan amat mengambil berat dalam bidang sukan di negara ini. Dalam Belanjawan tahunan, Kerajaan memberi peruntukan lebih dari sejumlah RM150 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk pembangunan sukan dan seterusnya melahirkan atlit bertaraf dunia yang boleh dibanggakan. Ini termasuk pembangunan Sukan Massa dan peruntukan khas melalui Majlis Kecergasan Kebangsaan.

10. Dalam mengejar kejayaan dan kecemerlangan sukan, kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi di bawahnya serta sokongan pelbagai pihak, telah berganding bahu menyediakan pelbagai infrastruktur sukan seperti Kompleks Sukan Komuniti bagi membolehkan semua rakyat Malaysia tanpa mengira lapisan masyarakat menggunakan kemudahan tersebut dan menjadikan sukan sebagai satu budaya dalam hidup mereka seharian di tempat masing-masing.

11. Kita yakin usaha ini akan dapat melahirkan satu generasi yang sihat, makmur dan maju. Gaya hidup yang sihat seterusnya akan mempercepatkan hasrat kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju. Ia akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Malaysia akan lebih disegani dalam semua bidang termasuk sukan.

Hadirin yang saya hormati,

12. Untuk para atlit yang pertama kalinya memakai jersi kebangsaan ke Sukan SEA Manila pada akhir bulan ini, saya menyeru supaya pamerkan semangat juang Harimau Malaysia agar dapat mencapai kejayaan yang membanggakan.

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menganjurkan pertandingan ini. Kepada panel juri, pihak penaja, pihak media, dan LimKokWing University saya ingin menyatakan di sini bahawa dengan usaha yang telah ditunjukkan ini, membuktikan bahawa kita boleh menjadikan sesuatu itu lebih berjaya sekiranya kita sanggup berganding bahu tanpa mengira kepentingan dan latar belakang kita.

14. Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Jersi Kebangsaan untuk kegunaan rasmi atlit Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.